

UCAPAN
YAB DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI
SEMPENA PERASMIAN SYARIKAT BP SOLAR (MALAYSIA) SDN BHD
DI TAPAK BP SOLAR (MALAYSIA) SDN BHD, SHAH ALAM
17 APRIL 2000

1. Terlebih dahulu izinkan saya merakamkan kesyukuran saya terhadap Allah s.w.t. di atas limpah kurnianya kita dapat bersama-sama menyaksikan perasmian satu lagi kejayaan rakyat Malaysia dalam menceburi bidang teknologi. Saya difahamkan kilang BP Solar yang akan dirasmikan pada hari ini akan menghasilkan keluaran panel tenaga suria yang akan digunakan untuk meraih kuasa tenaga matahari.

2. Pada awal tahun-tahun tujuh puluhan, negara kita memulakan pengeluaran sumber minyak negara melalui Petronas yang ditubuhkan pada 17 Ogos 1974. Sumber minyak telah dimanfaatkan dengan bijaksana dan telah berjaya membawa Malaysia kesuatu tahap kejayaan sosio- ekonomi dan kemajuan perindustrian yang sama-sama kita kecapai hari ini.

3. Walaupun kita mempunyai sumber tenaga yang stabil dengan mempunyai bekalan minyak yang mencukupi, kita tidak seharusnya terus bergantung kepada sumber ini semata-mata. Kita harus mencari jalan untuk mengeksplotasi sumber-sumber lain yang dapat membantu menghasilkan keperluan tenaga dalam kehidupan harian rakyat Malaysia.

4. Pada akhir-akhir abad yang lalu, seluruh dunia menghadapi masalah pencemaran yang membimbangkan. Pencemaran ini telah banyak menukar kedudukan iklim muka bumi ini dan ada di setengah-tengah tempat menghadapi malapetaka disebabkan oleh pencemaran alam sekitar ini.

5. Seperti yang kita maklum minyak adalah salah satu sumber tenaga yang menyumbang kepada pencemaran ini. Walau bagaimanapun kita tidak dapat lari dari menggunakan sumber ini kerana belum terdapat lagi teknologi atau sumber lain yang berkemampuan menggantikan kegunaan minyak sebagai sumber tenaga dunia hari ini. Kerajaan Malaysia sedar akan kepentingan minyak untuk membangunkan negara, tetapi kerajaan juga peka terhadap perkembangan semasa berhubung isu pencemaran ini. Kepekaan ini terbukti dengan polisi tenaga yang dikenali sebagai "four-fuel policy" yang telah menjadi panduan kerajaan mentadbir bekalan keperluan tenaga negara ini. Polisi ini menekankan tiga perkara penting iaitu: -

(a) memastikan bekalan tenaga yang mencukupi, dari sumber yang selamat dan berkualiti serta memastikan harga bekalan yang efektif untuk keperluan negara.

(b) memperkenalkan dan menggalakkan kegunaan tenaga dengan efisien dan menghindarkan cara kegunaan tenaga yang membazir.

(c) memastikan pemeliharaan alam sekitar diberi perhatian utama dalam usaha membangun dan menggunakan sumber tenaga.

6. Kerajaan sudah lama mempunyai panduan dan kepekaan terhadap isu alam sekitar di dalam mentadbir kegunaan tenaga negara ini. Suka juga saya menarik perhatian para hadirin, bahawa polisi tenaga yang baru, yang akan dikenali sebagai "five-fuel policy", sekarang dalam peringkat akhir kajian. Kajian ini sedang diusahakan oleh pihak EPU dengan bantuan kerajaan Denmark untuk merumus satu polisi baru yang juga akan merangkumi kegunaan sumber-sumber "tenaga yang

boleh diperbaharui" atau dalam bahasa Inggerisnya "renewable energy". "Four- fuel policy" yang saya sebutkan tadi sekarang hanya merangkumi empat sumber tenaga iaitu, gas asli, arang batu, minyak dan kuasa-hidro. Kajian terhadap "five- fuel policy" ini akan merangkumi sumber tenaga dalam kategori "renewable energy" ini, iaitu termasuk sumber tenaga suria, tenaga angin dan sumber tenaga bahan buangan. Polisi ini dijangka akan memperkukuhkan lagi arah pentadbiran tenaga di negara ini.

7. Hari ini saya amat gembira dijemput untuk merasmikan sebuah kilang yang akan mengeluarkan peralatan utama dalam meraih tenaga suria, satu sumber tenaga yang tidak langsung mempunyai sifat pencemaran alam sekitar. Usaha kearah mengeksplotasi sumber-sumber tenaga khususnya bidang "renewable energy" ini adalah menjadi salah satu hasrat kerajaan dalam pembangunan dan kemajuan negara ini. Di samping itu penubuhan syarikat pengeluaran panel tenaga suria pada hari ini membuktikan bahawa syarikat tempatan mampu menarik minat dan bekerjasama dengan syarikat gergasi luar bagi melaksanakan projek-projek berteknologi tinggi. Dan kepercayaan syarikat gergasi luar untuk terus melabur di negara ini sekaligus membuktikan bahawa Malaysia adalah sebuah negara yang stabil dari segi politik dan ekonomi serta mempunyai corak pentadbiran yang berkualiti yang sesuai untuk pelaburan mereka.

8. Justeru itu, saya ingin mengucapkan tahniah kepada syarikat BP Solar (Malaysia) Sdn Bhd di atas kejayaan mereka mendirikan kilang ini.

Izinkan saya untuk menyambung ucapan saya ini dalam bahasa Inggeris.

9. Today, we witness another example of a smart partnership between a renowned foreign company and a local firm to venture into a technology project. In this partnership, the foreign company, its local partner and the host nation, Malaysia, will all benefit in a win-win situation.

10. Smart partnerships for a win-win situation is a concept that Malaysia has actively promoted and will continue to do so. As such, the Malaysian Government will continue to give its support and encouragement to ventures of this kind.

11. Energy is the lifeline of any nation. A country's progress and development to large extent depend on its economic activities and by extension, its energy consumption. As the economy expands, energy needs grow. Likewise, a robust economy can turn laggard without adequate energy source.

12. It is with this realisation that Malaysia has always placed great priority on its energy needs and continues to seek new sources of energy to power the nation.

13. If we look back into our history, we will note that prior to 1970, when we were still very much an agricultural based economy, solid fuels such as coal and wood were one of the main sources of energy in this country. With the onset of industrialisation and rapid development in the 1980s, liquid and gas fuels became in great demand. We have since come to better understand how to manage our energy resources.

14. Today, the development of new energy alternatives, such as renewable energy, has become a priority for us as we prepare ourselves to take on the digital age. Therefore, the establishment of this solar panel manufacturing plant is an important

step towards enhancing the use of solar energy on a large scale in this country. It is both timely and in line with the government aspiration to develop Malaysia into an industrialised and digital economy.

15. Statistics show that at the beginning of the new millennium, some 70 per cent of the population in the developing world are removed from any electrical grid and rely on kerosene, wood fuel and batteries for light and power. In 400 million households, families are deprived from home-based income earning activities to improve their livelihood. Children cannot do their homework at night and thus are handicapped in their quest for knowledge. The lure of bright lights draws away millions of these people each year to overcrowded cities, worsening an already bad situation.

16. In Malaysia, while we are more fortunate, there are still remote households in some parts of the peninsula and in east Malaysia which cannot still be reached by the national grid. The needs of this rural population is something which the government views seriously and wants to address urgently.

17. As such, the government has embarked on a nation-wide rural electrification project to provide electricity to every nook and corner of the country. Since 1998, the ministry of rural development has been co-ordinating the installation of solar-powered electricity generating systems in remote households, particularly in east Malaysia. This has improved the lifestyles of many thousands of rural Malaysians.

18. Malaysia's seriousness and commitment to the use of solar energy can be demonstrated by our active involvement in the rare world solar energy convention two years ago and our lead role on the issue of solar energy utilisation.

19. This commitment is also reflected in the launch of the country's first electric car manufacturing project, Perusahaan Otomobil Elektrik Malaysia (POEM) in December 1997. The project is not only to encourage solar energy use for transportation but is also the first step towards solving the emission problem posed by petrol-powered vehicles.

20. I would like to congratulate those involved in establishing this solar panel manufacturing plant. I am proud that a reputable company like bp amaco has chosen to work with a Malaysian company to transfer technology. I wish you all success.

21. Sebelum saya sudahi ucapan ini, izinkan saya merakamkan ucapan terima kasih saya kepada kumpulan syarikat Mustaq dan syarikat BP Solar International di atas penghormatan yang diberikan kepada saya untuk merasmikan projek usahasama pengeluaran panel tenaga suria pada hari ini. Saya berharap projek-projek teknologi seperti ini akan terus diusahakan oleh para usahawan tempatan agar dapat kita dokong cita-cita kerajaan untuk memajukan Malaysia dan seterusnya mencapai wawasan 2020 sebagai sebuah negara perindustrian.

22. Dengan ini saya mengisytiharkan kilang BP Solar (Malaysia) Sdn Bhd dibuka dengan rasminya.

Terima kasih.